

06/10/1997

Penyokong dan pemimpin Umno perlu bekerjasama

KUALA KRAI, Ahad - Seluruh pimpinan dan penyokong Umno di semua peringkat dalam Bahagian Gua Musang disaran mewujudkan kerjasama dan persefahaman kental bagi memastikan cita-cita parti untuk menawan Kelantan dari Pas tercapai.

Veteran Umno, Ismail Hamid, 60, berkata sikap pilih bulu dan mengejar jawatan juga harus dikikis sama sekali kerana ia menyimpang daripada falsafah perjuangan Umno.

Bekas Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Gua Musang itu juga berkata, langkah penyatuan Melayu yang diusahakan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Oktober tahun lalu akan lebih berjaya, sekiranya pemimpin semua peringkat memahami konsep sebenar perjuangan Umno.

"Bagi merealisasikan amanat Presiden itu, pimpinan di peringkat cawangan dan bahagian perlu merapatkan hubungan antara ahli Umno dan bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46).

"Sejak akhir-akhir ini, ada segelintir mereka yang sanggup bertindak memecah belahkan parti demi kepentingan peribadi," katanya, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai masalah penyatuan dan penyerapan bekas ahli S46 ke dalam Umno, berikutan masih ada rungutan segelintir pihak yang tidak berpuas hati dengan proses yang berjalan itu.

Seorang lagi veteran Umno, Mokhtar Daud, 58, ketika ditemui berharap bekas ahli S46 bersabar menghadapi pelbagai cabaran dan ujian, terutama dalam proses penyatuan semula ke dalam Umno.

"Sebagai seorang ahli yang ikhlas memperjuangkan kepentingan parti, mereka perlu akur dengan kepemimpinan sedia ada.

"Pemimpin sama ada di peringkat bahagian mahupun cawangan perlu kepada kekuatan dan keupayaan untuk mewujudkan perpaduan di kalangan ahli Umno dan bekas ahli S46," katanya.

Beliau juga berharap Wakil Rakyat dalam Parlimen Gua Musang menunjukkan sikap lebih terbuka, terutama dalam soal membabitkan agihan peruntukan.

(END)